



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 Oct2021 (Sunday)

Berita Harian

PROGRAM BANTUAN MAKANAN OLEH PERSATUAN HOTEL MALAYSIA BAHAGIAN SELANGOR	1
Bekas atlet para terima bantuan	2

Harian Metro

BOLEHKAH DEDAH KEBURUKAN ORANG LAIN?	3
--------------------------------------	---

Kosmo

Apa lagi Ariz Ramli?	4
----------------------	---

Sinar Harian

MBI Selangor wujudkan JIG banteras rasuah	5
'Selangor bukan lubuk rasuah'	6
SelVAX untuk golongan remaja	7

Astro Awani

Selvax Dibuka Untuk Golongan Remaja	8
-------------------------------------	---

Berita Harian Online

Jalal, Halimah sebak terima bantuan	9
Ubah takwim sekolah jejas rantaian sistem pendidikan	10
Gangguan bekalan air di Lembah Klang 13-16 Oktober	11
'Sentiasa jaga nama baik PASKAL'- Sultan Sharafuddin	12

KOSMO Online

998 kawasan alami gangguan bekalan air bermula 13 Oktober ini	13
Sultan Selangor bertitah anggota Paskal tidak abaikan tuntutan agama	14

myMetro On-line

Bolehkah dedah keburukan orang lain?	15
MBSA kurangkan kompaun sempena ulang tahun Shah Alam	16
998 kawasan Selangor akan alami gangguan bekalan air	17
Anggota Paskal perlu terus timba ilmu dan aspek kemahiran - Sultan Sharafuddin	18
Bank Islam raih Anugerah Sukuk Kuasi Berdaulat Baharu Terbaik	19
Perairan negara terkawal daripada ancaman - Timbalan Panglima TLDM	20

RTM1

Program Ceria Atlet Selangor	21
Program Ceria Atlet Selangor	22

Sinar Harian Online

Hukum vaksin wajib buat golongan ditetapkan kerajaan	23
Isu pemilikan setinggan selesai, 19 penduduk terima notis 5A	24
Selangor bukan lubuk rasuah	25
Selangor tubuh Skuad Bencana sedia hadapi musibah	26
SelVAX dibuka untuk golongan remaja	27
998 kawasan di Lembah Klang alami gangguan air bermula 13 Oktober	28
Jangan cemar maruah, kehormatan Paskal	29
MPK gempur struktur haram, sarang penagih dadah	30



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



PKNS lantik Mahmud Abbas CEO baharu	31
Rebat Pengangkutan ke PPV dilanjutkan sehingga 30 November	32
Utusan Malaysia Online	
Bandaraya beli tapak Pasar Minggu	33
Jaga maruah, kehormatan Paskal – Sultan Sharafuddin	34
Pembaharuan pemegang lesen perniagaan, usahawan mikro boleh secara atas talian – MBPJ	35
Perairan Laut China selatan terkawal	36
New Straits Times	
4-day water disruption in KL, Selangor from Oct 13	37
Malaysiakini Online	
Early notice for Klang Valley water cuts	38
The Malay Mail Online	
Expect water cuts Oct 13-16 as we fix treatment plant, Air Selangor tells Klang Valley residents	39
Tourism-related centres in Malaysia enjoy brisk business as operations resume	40
The Star Online	
Frequent dry taps hinder economic recovery; half-year's water tariffs should be waived as compensation	41
Bank Islam wins best new Sukuk quasi-sovereign award	42
China Press	
Fruits smash mirror, fall leaf and tree roots lead to ditch blockage; Seeing big tree are affraid.	43
Sultan: PASKAL must stick to its duties to defend the reputation of the troops	44
Sin Chew Daily	
Selangor MB: The government approves the use of Sinovac, Selangor will present a youth vaccination plan	45
Guang Ming Daily	
Waiting for accurate figures; Selangor speeds up vaccination plan for youth	46



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PROGRAM BANTUAN MAKANAN OLEH PERSATUAN HOTEL MALAYSIA BAHAGIAN SELANGOR
Muka Surat	:	27



● Armada Hotel Team

Industri pelancongan antara yang terjejas teruk akibat penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Impak teruk akibat pandemik ini telah menyaksikan negara mengalami beberapa fasa kawalan pergerakan dan penutupan sempadan, yang merumitkan usaha kemapanan bagi kelangsungan industri pelancongan dalam negara.

Sehingga hari ini, sebanyak 120 hotel di Malaysia dikuatiri telah menutup operasi mereka sama ada secara kekal atau sementara. Dari segi kerugian, industri hospitaliti negara telah kehilangan pulangan lebih RM6.5 bilion pada tahun lepas, dan dijangka bakal kehilangan sebanyak RM9 bilion atau lebih pada tahun ini. Ini memberi petunjuk bahawa ribuan pekerja dalam industri ini bergelut untuk kelangsungan hidup serta menyara keluarga mereka kerana ramai yang telah kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji minimum, selain faktor tekanan kesihatan dan mental mereka.

Atas sebab kesusahan yang dialami oleh pekerja-pekerja hotel serta ketidaktentuan industri ini akibat pandemik, Persatuan Hotel Malaysian (MAH) Bahagian Selangor sekali lagi melancarkan program Bantuan Makanan buat kali kedua

bagi mengutip sumbangan sama ada tunai mahu pun barangan. Inisiatif yang turut disokong oleh Selangor Tourism dan MAH Kebangsaan diinspirasikan berikutan kejayaan CSR pertamanya yang didokong oleh Yayasan AEON Malaysia yang diterajui mantan presidennya, Datin Yasmin Merican, yang mewakili usaha komuniti Kumpulan Syarikat AEON Malaysia sehingga April 2021. Seramai 1,200 kakitangan hotel yang telah kehilangan pekerjaan akibat penutupan hotel di Malaysia amat bersyukur menerima bantuan makanan dan barangan keperluan selama dua bulan pada April dan Mei lalu, iaitu semasa pandemik ini berada di tahap yang amat teruk.

Dengan program MAH Cares tersendiri dengan tema "Together We Deliver to our Fellow Hoteliers", MAH Bahagian Selangor berjaya mengutip sebanyak RM90,000 melalui sumbangan tunai dan barangan daripada organisasi-organisasi prihatin seperti Tourism Selangor, English Hotbread, Sama Sama Hotel KLIA, Acappella Suite Hotel, Dorsett Grand Subang, Silka Maytower, BMC Tours & Travel, MOTAC, Yeo Hiap Seng (Yeo's) dan beberapa individu. Sebanyak 880 kotak makanan yang diisi dengan keperluan harian seperti nasi, telur, minyak masak, susu tepung, sardin, penutup muka pakai buang,

mi segera Yeo's Cintai, kotak minuman dan jagung manis Yeo's serta lain-lain barangan telah pun disalurkan kepada mereka yang terjejas di sekitar Selangor dan Putrajaya, minggu lepas.

"Keadaan situasi semasa telah menjadikan kehidupan semakin meruncing dengan kawalan pergerakan dan sempadan masih ditutup bagi perjalanan rentas negeri. Ini sudah pasti memberi impak kepada industri hospitaliti dan mereka yang bergantung pada industri ini untuk kehidupan. Kami amat berterima kasih kepada organisasi dan individu yang amat menyokong bagi membantu menjayakan program kami melalui sumbangan mereka secara sukarela," kata Datin Jasmine Abdullah Heng, pengerusi MAH Bahagian Selangor.

"Jutaan terima kasih diucapkan kepada Tourism Selangor untuk sumbangan mereka, ahli-ahli lembaga MAH dari peringkat kebangsaan hinggalah ke Bahagian Selangor, serta kepada saudara Francis Alberto di Sekretariat yang bekerja keras dalam menyelaras pengagihan kotak makanan. Semestinya, kerjasama berpasukan pada waktu ini memberi impak yang besar kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira jantina, bangsa atau warganegara kerana kita semua bersatu dalam mendokong 'MAH Cares' dalam mengharungi saat-saat mencabar ini. Kita semua kekal menyokong ahli-ahli dan industri serta bekerjasama erat dengan kerajaan bagi memastikan kelangsungan ke arah pemulihan stabil bagi industri perhotelan ini," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, selain menyokong dan mempromosikan kempen pelancongan yang

dibangunkan oleh Tourism Selangor iaitu "Pusing Selangor Dulu", MAH Bahagian Selangor juga bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pemulihan Pelancongan MAH bagi merangka strategi yang mampu memacu pemulihan industri pelancongan dalam negara yang sedang bergerak perlahan.

Dengan ketidaktentuan situasi pandemik dan kemelesetan ekonomi negara, MAH mengakui bahawa gerakan pemulihan bagi industri perhotelan dan pelancongan negara bergerak perlahan, serta berharap agar kerajaan segera melihat rayuan mereka untuk sokongan dari segi promosi dan pembiayaan pemasaran bagi industri hospitaliti, diskaun atau subsidi elektrik, saraan, levi kerajaan dan lain-lain yang lebih baik bagi hotel bagi mengelakkan lebih banyak hotel terpaksa gulung tikar.

Di samping itu, semua pemegang taruh dalam kerajaan diharap senada dengan penggiat hospitaliti bagi merangka misi untuk merencanakan semula industri hospitaliti yang merupakan antara pemacu utama ekonomi negara dengan 5.9 peratus disumbangkan ke KDNK, serta mempunyai suku daripada keseluruhan tenaga kerja dalam negara pra-pandemik.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Francis Alberto, Sekretariat Persatuan Hotel Malaysia Bahagian Selangor di talian **0162013248** atau e-mel kepada **mahselangorchapter@gmail.com**.

● Datin Jasmine Abdullah Heng





KERATAN AKHBAR
3 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bekas atlet para terima bantuan
Muka Surat	:	47

Bekas atlet para terima bantuan

Kajang: Pasangan bekas atlet para, Abd Jalal Abd Aziz dan Halimah Hasan terharu selain rasa bersyukur apabila kerajaan Selangor tampil menghulurkan bantuan kepada mereka bagi memperbaiki kerosakan rumah yang didiami ketika ini.

Abd Jalal dan Halimah sama sekali tidak menyangka keringat mereka berdua dibalas meskipun jasa dilakukan disifatkan begitu kecil ketika membabitkan diri dalam arena sukan tanahair sebelum ini.

Halimah yang pernah meraih pingat gangsa dalam Sukan Para Asia Incheon 2014 dalam sukan boling padang berkata, bantuan dihulurkan kerajaan Selangor tentunya membantu apatah lagi kediaman mereka pernah dinaiki air pada tahun lalu.

"Syukur, Allah berikan rezeki melalui kerajaan Selangor dan YAKEB (Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan)," kata Halimah.

"Apabila dapat (bantuan) baik-pulih rumah ini, syukur dan

rasa terharu.

"Kalau nak dibandingkan jasa kita buat untuk negeri, tak seberapa tetapi lambat laun, dapat lebih daripada apa yang kita berikan. Jadi, pada awal atlet jangan harapkan apa-apa kerana akhirnya kita akan dapat, walaupun kita tak minta ataupun tak pernah minta.

"Apa yang penting, ikhlas dalam bidang sukan, untuk Selangor. Mana-mana yang ingin menjadi atlet para, jangan teragak-agak, wakili saja untuk negeri, mereka akan ambil berat pada akhirnya."

Menerusi Program Ceria Atlet Para Selangor 2021 itu, Halimah dan Abd Jalal menerima bantuan dari segi membaik pulih keadaan rumahnya yang masih mempunyai kesan kerosakan akibat dilanda banjir pada Ogos tahun lalu.

"Pada tahun lalu, air banjir naik sehingga paras pinggang dan kami terpaksa angkat semua benda sekadar termampu.



Halimah dan Abd Jalal (kiri) bersama Pengerusi YAKEB, Datuk Noorul Ariffin Abdul Majeed di kediaman mereka di Kajang.

Pada masa itu, YAKEB ambil berat, mereka datang tengok dan menghulurkan bantuan.

"(Bantuan kerajaan negeri pada ketika ini) membaikpulih bumbung dapur, tingkap, bilik air

dan longkang. Kalau hujan, tempat ini memang banjir. Kalau sebelum ini, kalau hujan saja, akan kena tempas," kata Halimah yang sudah mendiami rumah itu sejak 28 tahun lalu.



KERATAN AKHBAR		
3 October 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	BOLEHKAH DEDAH KEBURUKAN ORANG LAIN?
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

BOLEHKAH DEDAH KEBURUKAN ORANG LAIN?



Bersama
**Dr Mohd
 Khafidz Soroni**




Baginda Nabi SAW sentiasa mengajak kita supaya memuhasabah dan mengingatkan diri sendiri bahawa keaiban kita mungkin lebih banyak dan lebih besar daripada orang lain

ada era media sosial kini, keaiban dan keburukan peribadi seseorang kelihatan mudah menjadi isu menarik perhatian ramai. Ini disebabkan tabiat sesetengah orang suka menyebarkan apa sahaja yang berlaku dan disambut pula oleh naluri manusia yang biasanya ingin mengetahui apa yang terjadi. Lebih membimbangkan jika di sebalik perkara itu sebenarnya terdapat agenda dan kepentingan peribadi pihak tertentu. Apatah lagi jika melibatkan orang yang mempunyai nama besar dan dikenali masyarakat.

Secara umum, mendedahkan aib orang lain tanpa hak bukanlah ahlak seorang Muslim. Untuk membendung gejala ini, pelbagai kaedah digunakan oleh syarak, antaranya memberi galakan kepada manusia supaya segera menutup keaiban orang lain.

Daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW, sabdanya: "Tiada seorang hamba pun yang menutupi aib seorang hamba yang lain di dunia melainkan Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat kelak." **Riwayat Muslim**

Meskipun seorang muslim asalnya tidak boleh mendedahkan keaiban saudaranya, Imam al-Ghazali di dalam kitabnya 'Ihya' Ulumiddin menjelaskan terdapat enam keadaan yang mengharuskan seseorang mendedahkan keburukan orang lain iaitu pengaduan orang yang dizalimi, pengaduan demi mencegah kemungkaran, pengaduan untuk mendapatkan fatwa, peringatan terhadap seorang Muslim mengenai keburukan seseorang yang sudah diketahui, nama panggilan seseorang terkait dengan kecacatan atau keaiban dirinya, namun diterima baik olehnya dan perbuatan orang mendedahkan kefasikan dirinya sendiri secara terang-terangan. Maka, jelas kita tidak dibenarkan mendedahkan keaiban seseorang melainkan jika dia sendiri yang mendedahkannya. Dalam sebuah hadis, Abu Hurairah RA berkata: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: 'Setiap umatku itu dimaafkan kecuali mereka yang secara terang mendedahkan keburukan mereka sendiri. Sesungguhnya termasuk perbuatan mendedahkan



MEDEDahkan keburukan peribadi seseorang memberikan kesan emosi yang teruk terhadap mangsa.

keburukan sendiri itu ialah apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dosa pada waktu malam kemudian pada sebelah paginya ketika Allah menutupi keburukannya itu, lantas dia berkata: 'Hai fulan, malam tadi aku melakukan demikian dan demikian.' Padahal semalaman itu Allah telah menutupi keburukannya, namun pada sebelah pagi dia sendiri yang membuka tutupannya Allah terhadapnya itu." **Riwayat al-Bukhari dan Muslim**

Keburukan atau perkara maksiat yang dilakukan secara bersembunyi tanpa diketahui orang lain mungkin akan diampunkan oleh Allah SWT dengan bertaubat kepada-Nya. Namun, jika pelaku sendiri mendedahkannya dengan penuh rasa bangga dan seronok pula maka kemurkaan Allah SWT terhadapnya pastilah lebih besar.

Orang yang cuba mengorek keaiban saudaranya yang disembunyikan akan dibalas oleh Allah SWT dengan hukuman selayaknya. Daripada Ibn Abbas RA daripada Nabi SAW, sabdanya: "Sesiapa yang menutupi aurat saudaranya, Allah akan menutupi auratnya pada hari kiamat. Dan sesiapa yang membuka aurat saudaranya yang Muslim, Allah akan membuka auratnya sehingga mampu memalukannya dalam



Tiada seorang hamba pun yang menutupi aib seorang hamba yang lain di dunia melainkan Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat kelak

Riwayat Muslim

rumahnya sendiri." **Riwayat Ibn Majah dengan sanad hasan**

Adapun orang yang dianiaya atau dizalimi memang menjadi haknya untuk membela diri serta membuat aduan mengenai orang yang menzaliminya. Bagaimanapun, jika orang yang diadukan itu menafikan dan mengatakannya sebagai suatu tuduhan fitnah, perkara ini memerlukan perbicaraan mahkamah serta menjadi hak mahkamah pula untuk memutuskannya. Oleh itu, perbuatan orang lain mencanang keburukan yang belum pasti jelas termasuk perbuatan dilarang syarak dan berdosa orang yang melakukannya. Dia perlu bertaubat dan memohon maaf kepada orang yang dituduh itu. Ingatlah, terdapat peribahasa Melayu menyebut: 'Kuman di seberang lautan tampak, gajah di

pelupuk mata tiada tampak'. Peribahasa ini bermaksud keburukan orang lain biarpun kecil, boleh nampak, tetapi keburukan sendiri tidak disedari. Menariknya, peribahasa Melayu ini tidak jauh dengan maksud sebuah hadis Nabi SAW sabdanya: "Seseorang daripada kamu boleh nampak habuk yang ada di mata saudaranya, namun dia lupa batangnya kurma yang ada di matanya sendiri." **Riwayat Ibn Hibban dalam sahihnya**

Kata Imam Ibn al-Athir dalam an-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar: "Ia adalah perumpamaan bagi orang yang melihat keaiban kecil pada orang lain serta memalukan mereka dengannya, sedangkan pada dirinya sendiri terdapat keaiban yang nisbahnya kepada dirinya adalah seperti nisbah sebatang pokok kurma kepada sebutir habuk."

Baginda Nabi SAW sentiasa mengajak kita supaya memuhasabah dan mengingatkan diri sendiri bahawa keaiban kita mungkin lebih banyak dan lebih besar daripada orang lain. Oleh itu, janganlah kita sibuk dengan keaiban dan keburukan peribadi orang lain.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



KERATAN AKHBAR
3 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Apa lagi Ariz Ramli?
Muka Surat	:	28

Apa lagi Ariz Ramli?

Oleh MOHD. HAIKAL ISA

MEMASUKI Oktober, sekali gus berbaki dua bulan untuk menyudahkan 365 hari yang cukup melelahkan dari pelbagai aspek, penyanyi rap sensasi, Caprice tampil membuat laporan polis.

Laporan polis dibuat pemilik nama lengkap Ariz Ramli itu di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur lewat malam Jumaat.

Tiada perincian didedahkan berhubung laporan berkenaan, namun berdasarkan pengalaman yang dilalui, bertitik tolak daripada misi kemanusiaan Gaza, Palestin-tiga bulan lepas, orang ramai pasti boleh meramalkan motif terkini tindakan Caprice.

"Sejujurnya, saya tak nak pun buat laporan polis ini. Sebenarnya, saya lagi mahu meletakkan fokus, energi dan usaha terhadap perniagaan serta kehidupan.

"Tetapi, sesetengah individu di luar sana merasakan 'cable', pangkat mereka terlampau kuat dan tinggi. Mereka rasa lagi hebat daripada undang-undang," katanya.

'Ibu bapa kakitangan kerajaan'

Yakin berada dalam kelompok benar dan bukan pendusta, Caprice sekali lagi memaklumkan ibu dan bapanya merupakan kakitangan kerajaan. Sekadar informasi, bapanya bekerja di pejabat kedutaan atau Wisma Putra.

"Biar saya ingatkan, ibu bapa saya kakitangan kerajaan. Saya tahu saya budak nakal, saya tidak nafikan perkara itu, saya ada impian untuk ibu bapa saya berbakti kepada negara, insya-Allah.

"Sejak tujuh tahun lalu, saya dah berjuang untuk membersihkan kekurangan dalam ummah.

"Mungkin nampak pelik untuk lelaki macam saya, seorang penyanyi rap, berjuang untuk ummah. Saya faham," getusny.

Biarpun sering disalah erti disebabkan kelantangan mulutnya menegur pelbagai perkara, termasuk gaya pemakaian tidak melambangkan orang yang ingin dekat pada agama, lelaki itu memberi hujahnya tersendiri.

Usaha bersihkan ummah

Katanya, dia berusaha tanpa mengenal erti penat lelah dalam memberi kesedaran kepada orang ramai terutama generasi muda.

"Saya pernah bentang kertas kerja kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), satu program 'Lepak Masjid' setiap malam Jumaat bermula pukul 10 malam hingga 1 pagi.

"Untuk elak anak muda kita pergi bar, kelab malam. Setiap minggu akan ada ceramah yang menarik, ada bazar dan macam-macam lagi.

"Alasan saya maklumkan perkara ini, ramai



Biar saya ingatkan, ibu bapa saya kakitangan kerajaan. Saya tahu saya budak nakal, saya tidak nafikan perkara itu, saya ada impian untuk ibu bapa saya berbakti kepada negara, insya-Allah."

KATA
 Caprice, dia sentiasa terbuka untuk berdamai, berbincang dan perihal yang menyatukan orang ramai terutama dalam kalangan orang Islam.



UJAR Caprice, dia terpaksa membuat laporan polis demi terus merungkil segala keresakan yang bertitik tolak daripada misi bantuan kemanusiaan di Gaza, Palestin tiga bulan lalu.

generasi muda yang menghakimi saya hanya dengan baju saya saya pakai, penampilan diri dan sebab saya menyanyi rap," katanya lagi.

Apa pun hujah yang cuba dileraikan saban waktu, satu Malaysia sebenarnya sedang menunggu kesudahan konflik melibatkan Caprice dan penceramah terkenal yang masih disiasat polis ketika ini.

Ketika kebenaran belum terungkap dan keghairahan sama ada Caprice atau pihak lawan bergendang mahu membuktikan siapa benar dan siapa salah, paduan ummah harus menjadi obor perjuangan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MBI Selangor wujudkan JIG banteras rasuah
Muka Surat	:	28

MBI Selangor wujudkan JIG banteras rasuah

SHAH ALAM - Negeri Selangor mencatatkan penurunan kes rasuah apabila merekodkan sebanyak 43 tangkapan sehingga Ogos tahun ini berbanding 54 tangkapan pada 2020 dan 79 pada 2016.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, berdasar statistik itu dakwaan Selangor sebagai negeri lubuk rasuah adalah tidak benar sama sekali malah Selangor adalah lubuk rezeki.

"Persepsi ini berlaku kerana tangkapan terbaru yang melibatkan pemimpin dan bekas pemimpin daerah yang masih lagi menjawat jawatan utama. Hakikatnya, Selangor mencatatkan penurunan kes.

"Dari segi data angka di Malaysia, Selangor bukan negeri yang tertinggi. Ada negeri di timur yang mencatatkan angka lebih tinggi.

"Bandangan dari segi peratus penduduk, kepadatan serta kepesatan ekonomi di negeri ini bukan ukuran untuk dikatakan sebagai lubuk," katanya.

Sementara itu, MBI Selangor telah mewujudkan Jabatan Integriti dan Governans (JIG) pada tahun 2020 untuk menyahut seruan kerajaan dalam usaha membendung jenayah rasuah.

JIG MBI membuat pelaporan terus kepada Jawatankuasa Bebas dikenali sebagai Jawatankuasa Audit,



AMIRUDIN

Pengurusan Risiko & Integriti (JARI) MBI.

Jelasnya, Ketua JIG MBI juga telah mendapat pentauliahan daripada SPRM sebagai Certified Integrity Officer (CeIO) dan para pegawai juga mendapat latihan, didikan dan panduan daripada SPRM untuk menyediakan peraturan atau pemantauan.

"Terdapat jawatankuasa di peringkat pengurusan bagi setiap perolehan yang dianggotai oleh pelbagai wakil jabatan berkaitan. Seterusnya Jabatan Audit Dalaman yang akan membuat pengauditan proses tersebut mengikut perancangan audit.

"JIG MBI juga menerapkan nilai integriti di peringkat kakitangan MBI dan kumpulan syarikat dengan mengadakan program Ikrar Bebas Rasuah bersama SPRM Selangor, ceramah berkaitan Akta SPRM, pelancaran IG MBI, tazkirah dan sebagainya," ujarnya.

Selain itu katanya, kesedaran masyarakat berkaitan isu rasuah semakin meningkat dan perlu ditambah baik agar tidak menular dalam komuniti.

"Rasuah ini ibarat pandemik, segala bentuk tindakan perlu diambil dengan betul untuk mengelak ia daripada berlaku dan merebak.

"Saya yakin jika semua berfungsi, kita bukan sahaja dapat menghapuskan dan mengurangkan kes-kes berprofil tinggi dan sensasi tetapi dapat menghapuskan budaya ini," katanya.



KERATAN AKHBAR		
3 October 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Selangor bukan lubuk rasuah'
Muka Surat	:	28

'Selangor bukan lubuk rasuah'

Penjawat awam perlu menjadi mata dan telinga SPRM

Oleh: MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF
MOHD KHALID & NAZRIN ZULKAFLI
Foto: ASRIL ASWANDI SHUKOR

SHAH ALAM

Negeri Selangor tidak boleh dikatakan sebagai lubuk rasuah, tegas Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor, Datuk Alias Salim.

Menurutnya, mengikut statistik bagi negeri Selangor dari tahun 2016 hingga Ogos 2021, hanya seramai 267 penjawat awam ditangkap daripada jumlah 2,616 orang di seluruh negara.

"Jumlah penjawat awam yang ditangkap ini bukannya penjawat awam negeri sahaja tetapi ia termasuk penjawat awam Persekutuan yang berada di Selangor.

"Jadi, kita tidak boleh mengatakan secara spesifik Selangor ini lubuk rasuah," katanya ketika menjadi panel Wacana *Sinar Harian* edisi ke-293 bertajuk 'Betul Ke Selangor Lubuk Rasuah' yang diadakan di Studio Sinar Harian pada Khamis.

Turut menjadi panel ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacob, manakala Ismail Adnan bertindak sebagai moderator.



ALIAS

Alias menambah, daripada 267 orang yang ditangkap itu, seorang adalah dari kategori pengurusan tertinggi, 77 orang pengurusan dan profesional serta selebihnya gred bawah 41.

"Seorang sahaja melibatkan pengurusan tertinggi jika dibandingkan dengan tempat lain di Selangor bagi tempoh 2016 hingga Ogos 2021," jelasnya.

Dalam pada itu, Alias turut meminta penjawat awam agar menjadi mata dan telinga SPRM dalam usaha mengekang perbuatan rasuah di negara ini.

"Kami (SPRM) hanya ada sekitar lebih 2,000 pegawai SPRM, tidak akan mampu untuk menangani lebih 32 juta penduduk Malaysia.

"Di sinilah peranan penjawat awam sebagai 'whistleblower' kerana mereka tahu



Ismail Adnan bersama panel Amirudin Shari, Alias dan Hussamuddin pada Wacana edisi ke-293 membincangkan topik Benarkah Selangor Lubuk Rasuah? Yang diadakan di Studio Sinar Harian, Seksyen 15, Shah Alam.

RASUAH BUSTERS

apa berlaku dalam jabatan mereka dan maklumat itu biasanya tepat.

"Tugas penguatkuasa SPRM lebih mudah untuk jalankan siasatan dan tak perlu mencari unit atau

bagian yang terlibat kerana pengadu beri maklumat yang tepat.

"Jika mereka takut menjadi pengadu, mereka boleh menjadi pemberi maklumat yang akan dilindungi oleh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 jika dibuang kerja

atau sebagainya oleh ketua jabatan mereka," tegasnya.

Sementara itu, beliau mengatakan SPRM juga mensasarkan untuk memberi tumpuan kepada penangkapan orang awam yang berperanan memberi rasuah kepada penjawat awam.

"Orang awam sebenarnya yang menyogok penjawat-penjawat awam terutama pegawai penguatkuasa. Dari segi etika, jika penjawat awam disogok mereka seharusnya melaporkan kepada SPRM agar tindakan terhadap individu yang menyogok itu dapat diambil," katanya.



KERATAN AKHBAR		
3 October 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	SelVAX untuk golongan remaja
Muka Surat	:	29

SelVAX untuk golongan remaja

Vaksin Sinovac akan ditawarkan kepada remaja berumur 12 hingga 17 tahun

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

GOMBAK

Program Vaksinasi Selangor (SelVAX) kini ditawarkan untuk remaja berumur 12 hingga 17 tahun sebagai langkah mempercepat golongan tersebut mendapatkan perlindungan daripada virus Covid-19.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan tersebut dibuat berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh kerajaan

Persekutuan supaya vaksin jenis Sinovac diberikan kepada golongan remaja.

Menurutnya, inisiatif tersebut akan dibincangkan secepat mungkin dan dibentangkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam masa terdekat.

Bagaimanapun, beliau masih belum memastikan jumlah dos vaksin yang akan diberikan kepada golongan tersebut memandangkan baki dos sedia ada sepatutnya digunakan untuk suntikan penggalak (*booster*).

"Saya akan dapatkan angka yang tepat dalam masa terdekat untuk merangka semula pelaksanaan vaksinasi ini kerana pelan peringkat awal adalah



AMIRUDIN

untuk dos penggalak atau dos ketiga.

"Kami akan membincangkan cadangan ini secepat mungkin dan bentangkan kepada pihak KKM melalui Exco negeri atau saya sendiri.

"Semoga pelan ini akan mempercepat golongan remaja kita turut dilindungi dengan vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kewangan dan Notis 5A di Dewan Rakyat Batu Caves, di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, program SelVAX Bergerak akan diteruskan ke kawasan Dewan Undangan

Negeri (DUN) yang lain dengan memberi fokus kepada kawasan terpencil dan sukar dicapai.

"SelVAX Bergerak telah tamat pusingan pertama. Kita akan cuba rangkum sebanyak mungkin DUN yang ada, namun mungkin ada DUN yang tidak memerlukan suntikan tersebut kerana hospital masih meneruskan program vaksinasi

"Perancangan semula untuk program ini perlu dilakukan kerana ia melibatkan kos-kos pentadbiran seperti doktor dan jururawat," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai program yang dihadiri beliau, seramai 19 orang penduduk setingan di sekitar sini menerima tawaran milik tanah notis 5A untuk berpindah dari kawasan tersebut yang me-

rupakan sebuah tapak pembinaan Rumah Selangorku Pangsapuri Nilam dan Kristal di Taman Selayang Mutiara yang terbengkalai sejak tahun 2013.

"Jumlah tersebut meliputi 10 orang di Kampung Sungai Tua dan sembilan di Kampung Bendahara, di sini diarahkan pindah ke Batu Arang dan Kuang supaya projek pembinaan tersebut dapat diteruskan.

"Kita bantu menyelesaikan pemilikan setingan untuk penduduk di kawasan Sungai Tua, kerana mereka duduk di tebing sungai yang kerap dilanda banjir.

"Tanah itu akan diambil alih untuk tujuan pembangunan semula oleh kerajaan negeri bagi kemudahan setempat atau bergantung kepada pelan kerajaan negeri selepas ini," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
2 October 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Selvax Dibuka Untuk Golongan Remaja
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhabarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Jalal, Halimah sebak terima bantuan
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the BH website interface. The main article is titled "Jalal, Halimah sebak terima bantuan" (Jalal, Halimah happily receive aid). The article text is partially visible, mentioning the Menteri Besar of Selangor, Dato' Seri Amir Khalid Ibrahim, and the Menteri Besar of Kuala Lumpur, Dato' Seri Amir Khalid Ibrahim. The article discusses the distribution of aid to the public during the COVID-19 pandemic. There are also several advertisements and smaller news snippets on the right side of the page.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Ubah takwim sekolah jejas rantaian sistem pendidikan
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the BH Online news website. The main article is titled "Ubah takwim sekolah jejas rantaian sistem pendidikan" (Change school calendar for the education system). The article discusses the impact of the COVID-19 pandemic on the education system and the need to adjust the school calendar. It mentions that the Ministry of Education (Kementerian Pendidikan) is working on a plan to adjust the school calendar for the next year. The article also mentions that the school calendar will be adjusted to accommodate the need for social distancing and to ensure the safety of students and staff. The article is written by Nur Hafizah and is dated 2 October 2021. The website also features a sidebar with various news items and a search bar.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
1 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air di Lembah Klang 13-16 Oktober
Muka Surat	:	-

Gangguan bekalan air di Lembah Klang 13-16 Oktober

Sebuah jentera pemadam air sedang beroperasi di Lembah Klang, Selangor.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 700 kawasan di Lembah Klang termasuk di Pejabat Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berkuat kuasa mulai jam 9 pagi pada 13 hingga 16 Oktober ini.

Kuala Lumpur Eksklusif Pergerakan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhane Kamarudin, berkata ia sudah kerja penambahbaikan dan pembaikan aset untuk jaga bekalan air yang akan menyebabkan henti lujus Lipi Selayan Air Selangor Fasa 1 (URA SSP1).

Katanya, pembaikan kerja itu teragencap daripada jekel satu juta pada tahun 2019 dan 2020 bekalan air akan memastikan air yang menyedut gangguan bekalan air tidak terjejas teruk.

Namun beliau menegaskan, pembaikan kerja penambahbaikan dan pembaikan itu mendahului pelaksanaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Bekalan air penuh secara berperingkat mulai 9 malam ini
- Gangguan bekalan air di Kuala Selangor, Subang Berman
- KL, Gombak, Kuala Langat mula terima bekalan air
- Bekalan air penuh berperingkat awal, lusa

Bekalan air akan mula disalurkan kepada pengguna secara berperingkat bermula jam 5 petang pada 14 Oktober seluas kerja penambahbaikan dan pembaikan aset, selanjutnya sistem aliran bekalan air disalurkan.

Bekalan air dijangka akan penuh sepenuhnya jam 9 malam pada 16 Oktober. Air Selangor menasihatkan pelanggan untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan bekalan air berkuat kuasa seluas kawasan terjejas ini.

Selama bekalan, tempoh masa gangguan dan pemuliharaan bekalan air di kawasan yang terjejas adalah berbeza bergantung kepada jenis kelas premis pengguna dan tekanan pada sistem aliran bekalan air.

Diakui itu, Kuala Lumpur, Air Selangor akan menggunakan 100 ton tangki air ke kawasan terjejas dengan membekalkan insidaman kepada premis sekitar hospital, pusat dailian dan pusat-pusat pengangkutan.

Bekas bekalan, Air Selangor juga akan menyediakan 16 peti air awam mulai 14 hingga 16 Oktober untuk kemudahan pelanggan yang memerlukan bekalan air semasa tempoh pemuliharaan bekalan air.

"Jadi pelanggan komersial, pembelian air menggunakan kot tangki air masing-masing akan dibuka di setiap kawasan pengiraan air selangor."

"Walaupun komersial tidak membuat pembelian untuk pembelian air berkuat kuasa 10 Kawasan khidmat Pergerakan Air Selangor."

"Semasa tempoh kawasan terjejas, peti air awam dan Desan Pergerakan Air Selangor boleh didapati di laman web https://www.selangor.com.my/katras."

Katanya, penguna boleh mendapatkan maklumat gangguan bekalan air berkuat kuasa dan semasa ke semua media sosial Air Selangor Facebook, Instagram dan Twitter atau menghubungi Air Selangor di talian 1500.

BERITA BERKAITAN

EMPAK LRA BERSEKUTU
 Empat LRA bersekolah semasa 2.40 pagi tadi

DISYORKAN UNTUK ANDA

U.S. sanctions over China and Russia to build up coast-guard fleet

Perancis Berpatriot Superhero, Royal Falcon Die, Kita Di Market

They introduced an adapting New COOL app vs. ditching them

Taliban ignores new 9/11 fat was in power

Galari! Corporate reveals an undisclosed conflict of interest report

ESBON of China's Belt and Road leading to anti-corruption report

Discover 2021 Electric Cars - Price Might Surprise You

Galari! Fatah de cian de abang no membolehkan an que percobaan que end.

SIKAP BAKU

ANALISA

RESEPI

PERSEKUTUAN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	'Sentiasa jaga nama baik PASKAL' - Sultan Sharafuddin
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the BH Online news portal. The main article is titled "Sentiasa jaga nama baik PASKAL" - Sultan Sharafuddin. The article discusses the Sultan's commitment to maintaining the integrity of PASKAL (Peraturan Laluan Darat Malaysia) and the role of the TLM (Tentera Laut Diraja Malaysia) in enforcing these regulations. It mentions that the Sultan has issued a royal order (Perintah Raja) to ensure that all personnel involved in PASKAL operations are held to the highest standards of conduct and integrity. The article also highlights the Sultan's emphasis on the importance of maintaining the reputation of the royal household and the government through the actions of its officials.

DISYOROK UNTUK ANDA

- Yang di-Pertuan Agong Ismail Pengkalen TLM Lumut
- TLM rasmi PASKAL, sudah beres Ujung
- Sultan Nazrin dihalau keluar syahbandar terus dipungsi tinggal semua hujung
- Terus patuh PKPB, SOP hermetik COVID-19 - Sultan Selangor

The page also includes a sidebar with trending news, a list of related articles, and a footer with contact information and social media links.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 1 October 2021		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	998 kawasan alami gangguan bekalan air bermula 13 Oktober ini
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
1 October 2021		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor bertitah anggota Paskal tidak abaikan tuntutan agama
Muka Surat	:	-

Kosmo! Media Online

TERKINI NEGARA K2 HIB CLAM DUNIA SUKAN NIAGA AHAD VIDEO PREMIUM

NEGARA

Sultan Selangor bertitah anggota Paskal tidak abaikan tuntutan agama

LUMUT – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitah Pasukan Shaik (Paskal) tentera laut Diraja Malaysia (TLDM) agar tidak mengabaikan tuntutan agama sesan menjaga maruah dan kehormatan.

Baginda selaku Kapten Yang Dipertua TLDM turut menitahkan anggota Paskal sentiasa ingat kepada tuhan walau dalam apa jua keadaan sekiranya sesan sentiasa berdas seketiranya mengalami kesukaran ketika bertugas.

Malah baginda turut menitahkan nyayahan dengan berdas akan memberikan kesihatan dan keberanian kepada anggota Paskal untuk menghidar diri daripada ketakutan.

"Lambang simeda yang tersemot di dada anda adalah lambang kehormatan yang perlu dipertahankan.

"Jangan mengabdikan prinsip seorang anggota Paskal dengan melafodan diri kepada perkara yang tidak bermoral dan melonggar peraturan perundangan. Anda waja berpegang teguh kepada sumpahan dan kar Paskal," stah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah pada upacara Penamaan dan Pentauliahn Pusat Latihan Paskal kepada Kapal Diraja (KD) Panglima Garing di Pangkalan TLDM di sini hari ini.

Paskal yang ditubuhkan pada 1982 telah berfungsi untuk mempertahankan Sistem Luar Pantai TLDM di laut China Selatan selain melaksanakan pelbagai operasi operasi lain di laut, darat dan udara daripada pelbagai ancaman.

Sepanjang tempoh itu juga, Paskal telah berjaya menitah sekitar 100 orang pegawai dan anggota tentera laut dalam dan luar negara melalui pelbagai kursus-kursus khas yang dijalankan.

Sultan Sharafuddin turut menyeru semua anggota Paskal agar menjaga Sutan Sharafuddin turut menyeru semua anggota Paskal agar menjaga keselamatan diri semasa menjalani latihan di samping memberi lmpunan berganda dengan menitikberatkan aspek keselamatan untuk melaksanakan semestagan jua.

"Taktik keselamatan hendaklah dititikberatkan dan dug berunding sebelum sahkan terlewat dilaksanakan.

"Sela mahu anda semua termbat melaksanakan amaran dengan penuh taat setia dan bersemangat tinggi.

"Junjunglah cogan kata 'Sentiasa Yang Terbaik' agar ia benar-benar baik. Pertahankan semangat setia kawan yang merupakan (ni) kepada komuniti Paskal," stah baginda – K1 ONLINE

Jika anda mengalami kemurungan dan tekanan hubungi:

MEPS di 03-29399925 atau 014-322392
 Talian Kaah 15991 / WhatsApp Talian Kaah di 019-2615991 (kuji pelbagai bantuan aduan kegunaan rumahtangga dan pelbagai lagi masalah seperti pendawaan).
 ESK-Care JAKIM di WhatsApp 011-18986314
 Befrienders Kuala Lumpur di talian 03-76272929

BERITA SELANJUTNYA

Kilang besi muabah terbakar
 Isteri kemasu jantan selepas ditinggal sua...
 Dapatkan Produk yang diuji & disyorkan oleh...

Rahsia Rajaraja Kaly 24 Tahun Capai Kebebas...
 Guru sekolah rugi RM35,000
 Isteri hadatkan berat terakhir sebelum 'per...

Pemuda Myri dipercayai culi, tida...
 'Barek' rasa 'sabar kuat' - Caprice buat...
 Jim tahun 37' warga asing dimi rumah...

BERITA BERKAITAN

Pasar raya Lotus bop ditutup sementara
 'Sial' yang dibuang adalah anak ikan - 345
 Jalan pulang peragah
 CTR amarah ke buah KK di Lembah Klang bagi urusan vakasina



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 October 2021		
Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Bolehkah dedah keburukan orang lain?
Muka Surat	:	-

